KOMPILASI ISU DAN CADANGAN YANG DIBANGKITKAN
DALAM MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN
KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH (KKDW)
BAGI TAHUN 2025

MBJ KKDW

BUTIRAN PELAKSANAAN MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH (KKDW) TAHUN 2025

BIL. MESYUARAT	TARIKH MESYUARAT	Tempat	Pengerusi
1/2025	14 April 2025	Bilik Persidangan Bunga Raya, Aras 29, KKDW	KSU, KKDW
2/2025	12 Ogos 2025	Bilik Persidangan Bunga Raya, Aras 29, KKDW	KSU, KKDW
3/2025	28 November 2025	Bilik Persidangan Bunga Raya, Aras 29, KKDW	KSU, KKDW

JUMLAH ISU/CADANGAN MENGIKUT KATEGORI
YANG TELAH DIBINCANGKAN DALAM MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN
KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH (KKDW)
TAHUN 2025

KATEGORI ISU	BILANGAN ISU/CADANGAN YANG TELAH SELESAI			ISU BELUM SELESAI MBJ BIL.3/2025	JUMLAH ISU
	1/2025	2/2025	3/2025		
Kewangan dan Kemudahan	0	0	0	0	0
Pentadbiran	1	2	6	9	18
Sumber Manusia	1	3	1	2	7
Kebajikan	2	0	3	0	5
Inovasi dan Produktiviti	0	0	1	0	1
Hal-hal Lain	2	3	3	0	8
JUMLAH	**5**	**7**	**25**	**12**	**39**

SENARAI ISU/CADANGAN YANG TELAH DIBINCANGKAN
DALAM MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN
KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH (KKDW)
TAHUN 2025

KATEGORI : KEWANGAN DAN KEMUDAHAN
JUMLAH ISU/CADANGAN : 0

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN

KATEGORI : PENTADBIRAN
JUMLAH ISU/CADANGAN : 18

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN
1	**Penyertaan Warga KKDW Bagi Program - Program Anjuran Pihak Luar**	SUB (P) memaklumkan bahawa pihaknya akan melakukan penambaikan dalam proses pemilihan peserta bagi menyertai sebarang program. Bagi memastikan peluang yang sama rata dalam penyertaan program-program seperti ini, SUB (P) menyatakan pihak mereka akan mempertimbangkan pelaksanaan sistem penggiliran kepada warga KKDW yang berminat,	Dibangkitkan : Mesy. Bil.3/2024 Status : Selesai Mesy. Bil. 2/2025

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN
		sekaligus dapat mengelakkan penglibatan individu yang sama berulang kali dalam setiap program yang dianjurkan. Mesy. Bil. 1/2025 - Warga yang dipilih menyertai program perlu memberikan komitmen sepenuhnya. YBhg. Datuk Pengerusi juga tidak menolak kemungkinan berlakunya favoritism di kalangan pegawai-pegawai di bahagian masing-masing. Oleh itu, rekod penyertaan perlu diwujudkan supaya warga yang sudah menyertai program yang sama dikecualikan pada tahun berikutnya. Mesy. Bil. 2/2025 - i) Bahagian P akan meletakkan kuota bagi penyertaan semua Bahagian/Agensi. ii) Bahagian P akan membuat tapisan pencalonan dengan memberikan keutamaan kepada calon yang tidak pernah terlibat dengan sebarang majlis atau program anjuran luar. iii) Pelaksanaan program/kursus/bengkel diadakan pada hari bekerja tanpa melibatkan keseluruhan hari sabtu dan ahad supaya tidak menganggu waktu bersama keluarga. iv) Cadangan tersebut turut dipanjangkan kepada CUEPACS selari dengan konsep "work life balance".	

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN
2	**Isu Kulat di Aras 28**	SUB Teknikal mencadangkan kepada Bahagian (P) untuk menyemak semula dengan pihak kontraktor pembersihan berkenaan pelaksanan tugas-tugas mereka dan mencadangkan supaya Bhg. P membuat aduan kepada pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) Putrajaya sekiranya pelaksanaan kerja pihak kontaktor pembersihan tidak mengikut prosedur yang telah ditetapkan. YBhg. Dato' Dr. Pengerusi bersetuju dengan cadangan SUB Teknikal kerana isu kulat ini bukan sahaja berlaku di Aras 28 tetapi turut berlaku di aras 30 juga. Mesy. Bil. 1/2025 - Mesyuarat bersetuju supaya Bahagian (P) melihat tetapan suhu penghawa dingin yang sesuai mengelakkan masalah sama terus berulang. Mesy. Bil. 2/2025 - Mesyuarat bersetuju supaya pihak Stagno mengambil gambar setiap lokasi sebagai bukti semasa dan selepas penghapusan kulat. Bahagian P akan memastikan air purifier di setiap tingkat sentiasa dipasang bagi mengurangkan tahap kelembapan. Mesy.Bil. 3/2025 - Mesyuarat mengambil maklum akan keterangan bahawa Bahagian Pentadbiran	Dibangkitkan : Mesy. Bil.3/2024 Status : Selesai Mesy. Bil. 3/2025

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN
		dan Pengurusan Aset (P) telah mengarahkan pihak Stagno Tech Sdn Bhd (FM) dan Shazas Builder Sdn Bhd (HKPC) untuk memastikan pelaksanaan pembersihan kulat dilaksanakan dengan lebih kerap serta memastikan sistem fresh air fan di setiap tingkat sentiasa dipasang	
3	**Sijil Penghargaan Bagi Warga KKDW**	Mesyuarat bersetuju supaya sijil penghargaan diberikan kepada mana-mana pagawai dan kakitangan yang memperoleh markah 90% dan ke atas dan gambar penerima anugerah dipaparkan di skrin lobi KKDW. Mesy. Bil. 2/2025 – i) Bahagian PSM bersetuju dan tiada halangan berkenaan isu tersebut. ii) Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia, KKDW Bil.3 tahun 2025 yang dipengerusikan oleh YBhg, Datuk KSU pada 2 Julai 2025 bersetuju sijil penghargaan kepada pegawai dengan markah prestasi kategori cemerlang iaitu 95% dan ke atas.	Dibangkitkan : Mesy. Bil. 1/2025 Status : Selesai Mesy. Bil. 2/2025
4	**Penetapan Hari Bagi Pemakaian Baju Korporat Warga KKDW**	Mesyuarat mengambil maklum bahawa tiada penetapan hari bagi memakai baju korporat. Baju korporat boleh dipakai pada setiap hari tanpa halangan. Ybhg. Datuk Pengerusi turut memaklumkan bahawa warga Kementerian juga dibenarkan untuk memakai baju korporat agensi di bawah KKDW dan pemandu dibenarkan memakai baju batik berlengan pendek mengikut kesesuaian kerja.	Dibangkitkan : Mesy. Bil. 1/2025 Status : Selesai Mesy. Bil. 1/2025

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN
5	**Penambahbaikan Kepada Vendor Berkaitan Pengurusan Toner Dan Mesin Cetak di KKDW**	a.(i) aduan penggunaan mesin cetak (sharp) seperti berikut: 1) kelewatan penghantaran toner selepas imbasan QR; 2) ketidaktepatan bacaan peratusan penggunaan toner; 3) kelewatan cetakan. ii) bahagian P mengambil memaklumkan pembekal bersetuju menambahbaik pengurusan iii) pihak pembekal diminta menyediakan sistem pemantauan toner dan membuat installation semula driver iv) pemantauan oleh bahagian P bagi mengenal pasti kekerapan penggunaan toner di setiap bahagian Mesy. Bil. 3/2025 - Mesyuarat mengambil maklum akan keterangan: 1) Bahagian P telah mengadakan perbincangan dengan pihak pembekal untuk melaksanakan segala penambahbaikan yang diperlukan dan pihak pembekal telah bersetuju dengan cadangan pengurusan toner 2) Beberapa Bahagian penggunaan tinggi yang melebihi 15,000 cetakan sebulan pada bulan September	Dibangkitkan : Mesy. Bil. 2/2025 Status : Selesai Mesy. Bil. 3/2025

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN
		- Bahagian P akan membuat pemantauan terhadap penggunaan toner di Bahagian terbabit.	
6	**Pengurusan Tempat Meletak Kenderaan Motosikal**	a.(i)Pihak Pekerja mohon penambahan parkir dan penyusunan semula ruang parkir. ii) bahagian P telah mengemukakan permohonan kepada pihak Jabatan Kerja Raya pada bulan Januari 2025 iii) sebanyak 30 lot parkit tambahan akan dibuat di B1 dan bahagian P akan menambah baik keadaan parkir memandangkan parkir di B2-B4 adalah terhad dan penuh. iv) cadangan supaya tempat letak motosikal baharu di B1 berdekatan dengan pokok buluh di sebelah Dewan Seri Lestari. Mesy. Bil. 3/2025 - Mesyuarat mengambil maklum: 1)Bahagian P telah mengambil tindakan dengan membuat tempat letak motosikal yang baharu di B1 dengan tambahan sebanyak 27 lot 2) Bahagian P turut memaklumkan terdapat perancangan pada masa akan datang untuk menambah bilangan tempat meletak motosikal di Aras B1 bagi kemudahan warga Kementerian.	Dibangkitkan : Mesy. Bil. 2/2025 Status : Selesai Mesy. Bil. 3/2025

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN
7	**Penambahbaikan Aksesibiliti Di Kawasan Basement B2**	Laluan lantai (ramp) dibina di pintu masuk dari kawasan parkir B2 bagi memudahkan pergerakan individu berkerusi roda. Mesyuarat bersetuju supaya bahagian P menyediakan ramp di pintu masuk kawasan parkir di B2-B4 dan kemudahan OKU serta laluan umum lain ditambahbaik. Mesy. Bil. 3/2025 - Mesyuarat mengambil maklum akan keterangan bahawa Bahagian P telah mengadakan perbincangan dengan pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) Putrajaya berkaitan penambahbaikan aksesibiliti di kawasan parkir B2 hingga B4. JKR Putrajaya sedang memperhalusi cadangan teknikal daripada syarikat penyenggaraan memandangkan perkara ini merupakan skop tambahan dan perlu dimasukkan dalam kerja Variation Order (VO).	Dibangkitkan : Mesy. Bil. 2/2025 Status : Selesai Mesy. Bil. 3/2025
8	**Wujudkan Kemudahan Pos Berdaftar selain Pos Laju**	Wakil Bahagian Teknikal berkenaan cadangan penyediaan kemudan Pos Berdaftar dan Pos Laju. Mesyuarat bersetuju bahawa kemudahan Pos Berdaftar selain daripada Pos Laju.	Dibangkitkan : Mesy. Bil. 2/2025 Status : Belum Selesai
9	**Penetapan Hari Penganjuran Kursus Bagi Warga KKDW**	Penetapan hari bagi menganjurkan kursus atau program adalah digalakkan pada hari bekerja dan jika tidak dapat dielakkan boleh dilaksanakan pada hari Sabtu. Inisiatif ini merupakan hasrat YBhg. Datuk KSU untuk mewujudkan keseimbangan	Dibangkitkan : Mesy. Bil. 3/2025 Status : Selesai Mesy. Bil. 3/2025

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN
		antara kerja dan kehidupan peribadi dala kalangan warga KKDW.	
10	**Penambahbaikan Perabot Pejabat**	- Isu perabot pejabat yang tidak orgonomik, khususnya berkaitan penggunaan kerusi yang tidak sesuai untuk tempoh bekerja yang panjang. - Bahagian P telah mengedarkan borang kajian ergonomik dan borang pemeriksaan tempat kerja kepada semua Bahagian. Bahagian ini juga telah mengeluarkan video ergonomik. - Setiap Bahagian boleh membuat permohonan Harta Modal dan mengemukakan permohonan kepada Bahagian P.	Dibangkitkan : Mesy. Bil. 3/2025 Status : Belum Selesai
11	**Isu Keselamatan (Kunci Pintu Utama) - Kunci Pintu Utama Pejabat**	- Wakil Pihak Pekerja mencadangkan agar pihak pengurusan mempertimbangkan penyediaan kotak kunci berkunci khas (key box) atau sistem penyimpanan yang lebih selamat. - Bahagian P akan membincangkan isu ini di dalam Jawatankuasa Keselamatan Perlindungan selaras dengan Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017). Perbincangan bersama pihak Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) dan CGSO memaklumkan bahawa penyimpanan kunci pintu utama adalah tanggungjawab Pegawai Bertugas.	Dibangkitkan : Mesy. Bil. 3/2025 Status : Belum Selesai
12	**Isu Penyimpanan / Pelupusan Dokumen Tender**	- Wakil Pihak Pekerja mencadangkan agar disediakan ruang khas yang lebih sesuai atau mewujudkan sistem arkib yang lebih tersusun dan	Dibangkitkan : Mesy. Bil. 3/2025 Status : Belum Selesai

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN
		selamat serta prosedur pelupusan dokumen secara berkala mengikut garis panduan yang ditetapkan - Disyorkan Bahagian berkenaan melaksanakan task force pelupusan rekod dan akan dibantu oleh Unit Registri dan Rekod (URR) - Mesyuarat bersetuju supaya pihak URR mengadakan lawatan dan melaksanakan khidmat nasihat pengurusan serta pelupusan rekod tender tersebut	
13	**Permohonan Pembelian Kasut Keselamatan, Topi Keselamatan dan Jaket Keselamatan (VEST)**	- Bahagian Perolehan (Bahagian PER) tiada halangan tetapi: (1) bergantung kepada peruntukan kewangan mencukupi; (2) perlu mendapat kelulusan Pegawai Pengawal; dan (3) perolehan tersebut perlu mengikut tatakelola perolehan yang berkuatkuasa. - Mesyuarat bersetuju supaya perolehan dapat dilaksanakan bagi memastikan keselamatan warga Kementerian di tapak projek	Dibangkitkan : Mesy. Bil. 3/2025 Status : Belum Selesai
14	**Penggantian Kedai Kopi Albatross**	- Kontrak Albatross telah berkuatkuasa mulai 1 Mac 2025 hingga 28 Februari 2028. Sebarang tindakan lanjut berkaitan penamatan awal atau lain-lain perlu dibuat oleh KKSKKDW	Dibangkitkan : Mesy. Bil. 3/2025 Status : Belum Selesai

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN
		- Surat tawaran penyewaan telah diserahkan kepada pihak Qidot dan sedang menunggu maklum balas - Mesyuarat bersetuju dan kontrak Albatross diteruskan seperti mana kontrak	
15	**Pengoperasian Penuh Semua Lif Semasa Waktu Puncak Di Bangunan KKDW**	- Mesyuarat bersetuju supaya lif dibuka kepada semua warga termasuk penggunaan lif VIP kepada warga termasuk pada waktu puncak: (1) Pagi: 7.30 pagi - 9.00 pagi (2) Tengah hari: 1.00 tengah hari - 2.00 petang (3) Petang: 4.30 petang - 6.00 petang	Dibangkitkan : Mesy. Bil. 3/2025 Status : Belum Selesai
16	**Kebenaran Meletakkan Kenderaan di Aras G Pada Waktu Hujung Minggu Bagi Warga Yang Bekerja**	Wakil Pihak Pekerja memohon jasa baik dan pertimbangan daripada Pihak Pengurusan untuk: (1) membenarkan penggunaan parkir di aras G oleh kakitangan yang bertugas pada hujung minggu atau cuti umum; dan (2) memastikan langkah-langkah keselamatan yang bersesuaian sekiranya parkir di aras G tidak dapat dibenarkan - Bahagian P telah mengeluarkan emel larangan untuk meletakkan kenderaan di aras G termasuk pada hari minggu dan Cuti Umum	Dibangkitkan : Mesy. Bil. 3/2025 Status : Belum Selesai
17	**Time Attendance Management Systems (TAMS)**	Pihak Pekerja memaklumkan: (1) Kelewatan Pengemaskinian Cuti Rehat dan Cuti Sakit	Dibangkitkan : Mesy. Bil. 3/2025

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN
		2) Ralat Sistem Pengecaman Wajah - Mana-mana kakitangan yang maklumat mereka tidak dikemaskini dalam sistem HRMIS boleh memaklumkan kepada Bahagian P. Sekiranya sistem TAMS tidak menjalankan secara automatik, pihak Stagno akan menjalankan jadual tersebut secara manual - Langkah awal yang boleh diambil ialah dengan menukar gambar kakitangan dan Bahagian P bercadang untuk menggantikan model sistem pengecaman wajah	Status : Selesai Mesy.Bil. 3/2025
18	**Pengurusan Stok Dan Akses Stor Utama**	- Mesyuarat mengambil maklum: 1) Penambahan Stok Secara Proaktif - Kekurangan stok disebabkan kelewatan pembekal 2) Penyediaan Stok Selepas Tempahan - Pihak Unit Pengurusan Aset (UPA) akan menyediakan penyususan barang setelah ditempah 3) Waktu Operai Stor Utama - 10.00 am - 12 pm/ 2.30 pm - 4 pm - Mesyuarat berseutuju bahagian yang kekurangan stok boleh membuat pinjaman dengan bahagian lain	Dibangkitkan : Mesy. Bil. 3/2025 Status : Belum Selesai

KATEGORI : SUMBER MANUSIA

JUMLAH ISU/CADANGAN : 7

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN
1	**Kekosongan Perjawatan**	Mesyuarat bersetuju supaya pusingan kerja dibuat bagi mengisi kekosongan jawatan Pembantu Khidmat Am (PKA), Gred N1. Mesy. Bil. 2/2025 – Urusan pusingan kerja bagi jawatan Pembantu Khidmat Am (PKA), Gred N1 telah pun dilaksanakan secara berperingkat mulai 23 Mac 2025 dan yang terbaru adalah pada 3 Jun 2025. Perkara ini akan dilaksanakan dari semasa ke semasa secara berfasa.	Dibangkitkan : Mesy. Bil. 1/2025 Status : Selesai Mesy. Bil. 2/2025
2	**Pengiktirafan Kepada Pegawai Di KKDW Yang Telah Berkhidmat 20 Tahun Sebagai Penjawat Awam**	Cadangan Pihak Pekerja untuk memberikan Sijil Pengiktirafan kepada pegawai KKDW yang telah berkhidmat selama 20 tahun dan ke atas. Bahagian PSM juga tiada halangan sekiranya Ketua Bahagian/Unit mahu memberi sijil sebagai tanda penghargaan. Mesyuarat bersetuju dengan cadangan tersebut dan supaya penyampaian sijil diadakan dalam satu majlis khas. Serta pencalonan Darjah Kebesaran Bintang dan Pingat turut dibuka kepada Kumpulan Pelaksanan yang berkelayakan	Dibangkitkan : Mesy. Bil. 2/2025 Status : Selesai Mesy. Bil. 3/2025

		Mesy. Bil. 3/2025 - Semakan Bahagian PSM ke atas senarai yang dijana daripada Sistem HRMIS mendapati bahawa seramai 266 orang pegawai di KKDW telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam bagi tempoh 20 tahun dan ke atas. Sijil Pengiktirafan bagi para pegawai terlibat sewajarnya akan dikeluarkan berdasarkan senarai yang telah dijana daripada Sistem HRMIS. - Jawatankuasa Darjah Kebesaran Bintang dan Pingat (DKBP) Kementerian tiada halangan agar pencalonan DKBP turut ditawarkan kepada Kumpulan Pelaksana	
3	**Penempatan Setiausaha Pejabat (PA) Gred N6 dan PA berkelayakan SPM**	Mesyuarat bersetuju Penempatan PA mengikut senioriti. Walau bagaimanapun, penempatan tersebut perlu dilihat dari aspek keserasian di antara PA dan Setiausaha Bahagian masing-masing.	Dibangkitkan : Mesy. Bil. 2/2025 Status : Selesai Mesy. Bil. 2/2025
4	**Penganjuran Majlis Apresiasi Warga KKDW**	Mesyuarat mengambil maklum cadangan penganjuran Majlis Apresiasi bagi warga KKDW sebagai tanda penghargaan. Mesyuarat bersetuju supaya majlis diadakan pada tahun ini dan lokasi majlis bergantung kepada peruntukan sedia ada. Mesy. Bil. 3/2025 - Cadangan daripada Bahagian PSM supaya Majlis Penyampaian Sijil Pengiktirafan kepada 266 pegawai yang telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam melebihi 20 tahun ke atas dan Anugerah Pekerja Madani (APM) dimasukkan	Dibangkitkan : Mesy. Bil. 2/2025 Status : Belum Selesai

		dalam tentatif program Majlis Apresiasi Warga KKDW - KKSKKDW mencadangkan supaya penganjuran ini adalah di bawah Bahagian PSM dan KKSKKDW sedia memberikan bantuan dan kerjasama bagi penganjuran majlis ini - Mesyuarat bersetuju supaya Bahagian PSM mengambil tindakan	
5	**Kekosongan Perjawatan**	Bahagian PSM akan melaksanakan urusan pengisian dari semsa ke semasa berdasarkan keperluan dan keutamaan mengikut kapasiti sedia ada dengan mengambil kira kompleksiti tugas di Bahagian/jawatan yang berkenaan.	Dibangkitkan : Mesy. Bil. 3/2025 Status : Selesai Mesy. Bil. 3/2025
6	**Pelaksanaan MBJ Institut Kemajuan Desa (INFRA)**	- Pihak INFRA memohon supaya pelaksanaan MBJ INFRA dimasukkan bersekali dengan MBJ Kementerian - Pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) memaklumkan bahawa sehingga kini belum ada sebarang punca kuasa untuk meluluskan pengguguran/pembatalan MBJ - Mesyuarat bersetuju pelaksanaan MBJ INFRA diteruskan selaras dengan Dasar Hubungan Majikan-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam - Majlis Bersama Jabatan	Dibangkitkan : Mesy. Bil. 3/2025 Status : Belum Selesai
7	**Pertukaran Pembantu Tadbir di Bahagian Teknikal**	- Bahagian Teknikal mempunyai seorang Pembantu Operasi (PO) yang mengalami masalah kesihatan berpunca daripada sejarah strok. Juga menerima seorang Pembantu Tadbir (PT) kekurangan upaya fizikal. Tugas Bahagian ini	Dibangkitkan : Mesy. Bil. 3/2025 Status : Belum Selesai

		memerlukan keupayaan fizikal untuk mengangkat dokumen yang banyak dan berat - Bahagian Teknikal memohon agar Pihak Pengurusan mempertimbangkan penempatan dua pegawai tersebut kerana tidak sesuai dengan keperluan tugas - Mesyuarat bersetuju supaya Bahagian PSM menyemak semula	

KATEGORI : KEBAJIKAN

JUMLAH ISU/CADANGAN : 5

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN
1	**Cadangan Keperluan di Surau KKDW**	Bahagian (P) juga telah merancang untuk menukar karpet di surau pada tahun 2025 memandangkan perkara ini terdapat dalam kontrak Pengurusan Fasiliti. YBhg. Dato' Dr. Pengerusi mengambil maklum dan memberi cadangan untuk menyambung getah paip bagi memastikan percikan air tidak terlalu tinggi. Mesy. Bil. 1/2025 - Pemilihan karpet di surau telah dilaksanakan pada bulan Mac 2025 dan penukaran karpet dijangka akan dilaksanakan bermula pada bulan April 2025 di bawah kontrak Pengurusan Fasiliti dan Penyenggaraan;	Dibangkitkan : Mesy. Bil. 3/2024 Status : Selesai Mesy. Bil. 1/2025

		Bahagian P juga akan berurusan dengan pihak JAKIM bagi penentuan arah kiblat sebelum pemasangan karpet. SUB (P) turut memaklumkan bahawa warna karpet yang sedia ada akan diganti kepada karpet warna merah.	
2	**Pengurusan Ruang Bawah Tanah (Basement)**	Setiausaha Bahagian (P) memaklumkan bahawa Bahagian tersebut akan menilai dan mengkaji semula berkaitan keselamatan di bahagian parkir basement. Selain itu, beliau turut mencadangkan supaya *bumper* diletakkan di bahagian *ramp* dan kempen kesedaran memandu bagi warga KKDW perlu dipertimbangkan dalam mendidik warga KKDW soal keselamatan di bahagian parkir basement. Mesy. Bil. 1/2025 - Cermin bulat (convex mirror) sudah dipasang, namun yang perlu diberi fokus adalah sikap pemandu kenderaan. YBhg. Datuk Pengerusi turut bersetuju dengan hal tersebut.	Dibangkitkan : Mesy. Bil. 3/2024 Status : Selesai Mesy. Bil. 1/2025
3	**Pengurusan Kafeteria Di KKDW**	Mesyuarat bersetuju supaya Bahagian (P) menyemak semula kontrak kerana pihak Koperasi dilihat mengenakan sewaan yang agak tinggi kepada pihak kafeteria yang boleh membebankan pihak kafeteria. Mesy. Bil 2/2025 - Tempoh Pengurusan Kafeteria di antara KKDW dan pihak Koperasi Luar Bandar akan berakhir pada 30 November 2025. Kontrak perjanjian baharu akan dibuat secara terus di	Dibangkitkan : Mesy. Bil. 1/2025 Status : Selesai Mesy. Bil. 3/2025

		antara pihak KKDW dan pihak penyewa. Bahagian P sedang menyediakan dokumen pengiklanan bagi penyewaan baharu bermula pada 1 Disember 2025. Mesyuarat bersetuju supaya kafeteria dapat mempelbagaikan menu makanan dan pengurusan kafeteria diserahkan kepada Kelab Sukan dan Kebajikan Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah. Mesy. Bil. 3/2025 - Mesyuarat mengambil maklum akan keterangan: (i) bahawa Bahagian P telah mengarahkan pihak Koperasi Luar Bandar selaku penyewa untuk memastikan pihak kafeteria mempelbagaikan menu makanan kepada warga; (ii) bahawa tawaran penyewaan baharu kafeteria telah diiklankan dan tarikh tutup iklan adalah pada 24 Oktober 2025. Sebanyak 5 syarikat telah mengemukakan dokumen. Penyewa yang layak akan diputuskan oleh Jawatankuasa Penyewaan Premis Demis KKDW; dan (iii) bahawa penyewa baharu kafeteria KKDW ialah RISDA Agri Food Industries Sdn. Bhd.	
4	**Harga Barangan Di Kedai Desa Mall, KKDW**	Mesyuarat mengambil maklum bahawa harga barangan yang dijual agak mahal berbanding kedai di luar. Semakan harga telah dijalankan secara berkala dengan membuat perbandingan harga pasaran di premis luar. Perbincangan lanjut antara	Dibangkitkan : Mesy. Bil. 2/2025 Status : Selesai Mesy. Bil. 3/2025

		penyewa dan penyedia perkhidmatan telah diadakan bagi penambahbaikan dari segi kecekapan kos serta margin keuntungan. Kontrak penyewa akan tamat pada 30 November 2025. Mesyuarat bersetuju untuk mendapatkan penyewa baharu dan cadangan Qidot Cafe dibuka di Kementerian Mesy. Bil. 3/2025 - Tawaran penyewaan baharu kedai runcit Desamall telah diiklankan dan tarikh tutup iklan adalah pada 15 Oktober 2025. Sebanyak dua (2) syarikat telah mengemukakan tawaran penyewaan - Penyewa baharu kedai runcit Desamall ialah RISDA Agri Food Industries Sdn. Bhd - Bahagian P telah mengemukakan surat tawaran kepada Qidot. Sesi lawatan tapak juga telah diadakan pada 22 Oktober 2025. - Qidot telah bersetuju dengan tawaran ini dan dijangka akan dibuka selepas Hari Raya Aidilfitri Tahun 2026	
5	**Penganjuran Kursus Pada Hari Minggu**	Cadangan Pihak Pekerja supaya kursus diadakan pada hari bekerja. Bahagian PSM memaklumkan bahawa tiada halangan namun perlu mendapat persetujuan pihak Pengurusan Tertinggi Kementerian dan semua SUB/ Ketua Unit. Mesyuarat bersetuju semua kursus diadakan pada hari bekerja dan hanya melibatkan samada Sabtu atau Ahad. Bahagian PSM akan membuat hebahan emel.	Dibangkitkan : Mesy. Bil. 2/2025 Status : Selesai Mesy. Bil. 3/2025

		Mesy. Bil. 3/2025 - Mesyuarat mengambil maklum akan keterangan bahawa emel hebahan penetapan hari bagi penganjuran kursus oleh Bahagian/Unit/Pejabat KKDW Negeri (PKN) di KKDW telah dibuat pada 24 September 2025.	

KATEGORI : INOVASI DAN PRODUKTIVITI

JUMLAH ISU/CADANGAN : 1

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN
1	**Perancangan Pembangunan Modal Insan Untuk Warga KKDW**	Mesyuarat bersetuju supaya Bahagian PSM mengambil tindakan akan perkara di perenggan 5.3(a)(ii) seperti berikut: ii. bahawa YBhg. Datuk Pengerusi menyatakan hasrat untuk mengadakan sesi perjumpaan bersama dengan Kumpulan Pelaksana bagi sesi town hall tanpa melibatkan kehadiran pegawai; Mesy. Bil 2/2025 – Mesyuarat bersetuju supaya diadakan siri ke-2 perjumpaan bersama Kumpulan Pelaksana dalam masa terdekat. Mesy. Bil. 3/2025 - Mesyuarat mengambil maklum akan keterangan bahawa Sesi Sembang Santai Ketua Setiausaha KKDW bersama pegawai Kumpulan Pelaksana gred 1 hingga 7 daripada	Dibangkitkan : Mesy. Bil. 1/2025 Status : Selesai Mesy. Bil. 3/2025

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN
		pelbagai skim perkhidmatan di Ibu Pejabat KKDW dan Ibu Pejabat INFRA (siri 2) telah dilaksanakan pada 18 September 2025.	

KATEGORI : LAIN-LAIN

JUMLAH ISU/CADANGAN : 8

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN
1	**Meningkatkan Tatakelola Integriti**	Wakil Pekerja dari Bahagian Komuniti Desa menyarankan pihak pengurusan KKDW menyahut seruan Kerajaan supaya memberi tumpuan kepada program pemerkasaan tatakelola, pengurusan yang berintegriti, mengurangkan penyalahgunaan kuasa, pembaziran dan pemborosan wang Kerajaan. Tahun 2025 boleh diadakan pelbagai aktiviti yang bersesuaian yang lebih banyak, menyerlah dan berimpak tinggi kepada warga KKDW. Mesy. Bil. 1/2025 - sepanjang tahun 2024 Unit Integriti KKDW ada melakukan 4 sesi Knowledge Sharing: Integrity Alert, Raising Awareness yang disampaikan oleh Encik Renifezri bin Mohamad, Pegawai Integriti (C).	Dibangkitkan : Mesy. Bil. 3/2024 Status : Selesai Mesy. Bil. 1/2025

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN
		Mesyuarat bersetuju supaya semua ahli mesyuarat bersama-sama mengambil berat akan etika berpakaian penjawat awam sebagaimana yang ditetapkan dalam pekeliling yang berkuatkuasa.	
2	**Kursus Pengukuhan MBJ Di Luar Pejabat**	Mesyuarat bersetuju dengan cadangan pelaksanaan kursus tersebut di luar pejabat dan pemilihan lokasi dilihat semula mengikut kesesuaian. Mesy. Bil. 2/2025 – Kursus Pengukuhan Pasukan MBJ di Luar Pejabat telah dilaksanakan pada 27 hingga 28 Julai 2025 di Adya Hotel, Langkawi, Kedah	Dibangkitkan : Mesy. Bil. 1/2025 Status : Selesai Mesy. Bil. 2/2025
3	**Sesi Libat Urus Secara Atas Talian Bagi Pelaksanaan Dasar Hubungan Majikan Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam Majlis Bersama Jabatan**	YBhg. Datuk Pengerusi bersetuju untuk menghadiri Persidangan MBJ Peringkat Persekutuan dan Negeri Tahun 2025 yang akan dirasmikan oleh Ybhg. Tan Sri KPPA pada 17 Jun 2025. Lokasi majlis akan dimaklumkan oleh pihak JPA kelak	Dibangkitkan : Mesy. Bil. 1/2025 Status : Selesai Mesy. Bil. 1/2025
4	**Kejohanan Sukan Majlis Kebajikan dan Sukan KKDW (MAKSPEN)**	Mesyuarat bersetuju kejohanan MAKSPEN dibuat sekali dengan Hari Keluarga KKDW yang akan diadakan pada bulan November 2025 bergantung pada kekosongan tarikh YAB Menteri KKDW. Mesy. Bil. 3/2025 - Mesyuarat mengambil maklum akan keterangan bahawa Kejohanan Sukan MAKSPEN XV telah diadakan pada 21-25 Oktober	Dibangkitkan : Mesy. Bil. 2/2025 Status : Selesai Mesy. Bil. 3/2025

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN
		2025 (Selasa - Sabtu) di beberapa lokasi yang telah ditetapkan manakala Sambutan Hari Keluarga Peringkat KKDW telah diputuskan pada 6 Disember 2025 (Sabtu) bertempat di MAEPS, Serdang, Selangor.	
5	**Mesyuarat PRA MBJ**	SUB Teknikal mencadangkan agar diteliti semula keperluan PRA MBJ kerana dibimbangi soal ketelusannya. Pelaksaan PRA MBJ sangat penting bagi memastikan mesyuarat lancar dan dapat menapis isu-isu yang berulang. Mesyuarat bersetuju supaya PRA MBJ diteruskan pelaksanaanya dan Pihak Pekerja boleh membangkitkan usul-usul lain di bawah agenda 'Hal-Hal Lain' sekiranya tidak mendapat maklum balas semasa Mesyuarat PRA MBJ.	Dibangkitkan : Mesy. Bil. 2/2025 Status : Selesai Mesy. Bil. 2/2025
6	**Mewujudkan WhatsApps kumpulan**	SUB P menyampaikan hasrat untuk mewujudkan WhatsApps kumpulan usahawan-usahawan dikalangan warga KKDW yang bertujuan bagi mencari usahawan-usahawan dikalangan warga KKDW untuk berniaga atau meletakkan hasil jualan di kafeteria KKDW. Mesy. Bil. 3/2025 - Mesyuarat mengambil maklum:	Dibangkitkan : Mesy. Bil. 2/2025 Status : Selesai Mesy. Bil. 3/2025

BIL.	ISU/CADANGAN DARIPADA PIHAK PEKERJA	PENJELASAN/PENYELESAIAN	CATATAN
		1)bahawa Bahagian P telah mengemukakan cadangan mewujudkan kumpulan WhatsApp kepada KKSKKDW untuk dilaksanakan. 2) perkara ini akan dibincangkan semasa Mesyuarat JK KKSKKDW Bil 11/2025 yang akan datang dan akan diselaraskan oleh Biro Ekonomi.	
7	**Mewujudkan Platform Aduan Tanpa Nama**	Mesyuarat mengambil maklum cadangan tersebut untuk membolehkan warga KKDW mengemukakan pandangan secara telus dan tanpa rasa gusar terhadap sebarang implikasi. Mesyuarat tidak bersetuju dengan cadangan tersebut bagi mengelakkan sebarang perkara yang tidak diingini seperti penyebaran fitnah di kalangan warga Kementerian.	Dibangkitkan : Mesy. Bil. 2/2025 Status : Selesai Mesy. Bil. 2/2025
8	**Sambutan Hari Raya Aidilfitri KKDW**	- Wakil Pihak Pekerja memohon supaya Sambutan Hari Raya Aidilfitri peringkat KKDW dilaksanakan di Bangunan KKDW untuk warga KKDW - Sambutan Hari Raya Aidilfitri peringkat KKDW akan dilaksanakan di Kediaman Rasmi YAB TPM Sri Satria mengambil kira jawatan YAB Menteri dan keperluan ruang yang luas bagi menampung jemputan orang ramai	Dibangkitkan : Mesy. Bil. 3/2025 Status : Selesai Mesy. Bil. 3/2025

Disediakan oleh:

Urus Setia Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan
Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah
(Bahagian Pengurusan Sumber Manusia)